

Headline	Dia boleh lakukannya		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	29 Oct 2015	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	68
Section	Arena	Journalist	Aida Adilah Mat
ArticleSize	379 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 44,791		



# ‘Dia boleh lakukannya’

■ Hyun Il yakin usia bukan penghalang Chong Wei raih emas di Rio

Oleh Aida Adilah Mat  
aida\_adilah@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**U**sia bukan penghalang untuk pemain perseorangan badminton negara Datuk Lee Chong Wei melakar sejarah menjadi atlet pertama negara meraih emas pada temasya Sukan Olimpik di Rio tahun depan.

Perkara itu ditegaskan bekas pemain utama Korea Lee Hyun Il (*gambar*) yang mengatakan bukan sesuatu yang mustahil buat Chong Wei kembali menyerlah di pentas antarabangsa kerana dia sudah membuktikannya selepas mengungguli Terbuka Perancis Ahad lalu.

Hyun Il yang pernah meraih gelanggang di Kejohanan Dunia 2006 dan bakal beraksi untuk Muar City BC dalam saingan Purple League berkata, Chong Wei sudah kembali menemui sentuhannya dan pastinya saingan

Mungkin tahun depan masanya untuk Chong Wei menang emas Olimpik. Usia bukan satu masalah buat Chong Wei. Dia mempunyai peluang sama rata sama ada bertemu Chen Long atau siapa saja”

*Lee Hyun Il*

membabitkan dirinya selepas ini menjanjikan perlawanahan hebat.

“Mungkin tahun depan masanya untuk Chong Wei menang emas Olimpik. Usia bukan satu masalah buat Chong Wei. Dia mempunyai peluang sama rata sama ada bertemu Chen Long atau siapa saja.

“Chong Wei hanya perlu fokus terhadap perlawannya dan saya rasa dia sudah bersedia bila pun prestasi tahun ini tidak menentu,” katanya.

Hyun Il akan turun membantu pasukan Muar City BC mempertahankan gelaran juara dalam saingan Purple

League. Selain Hyung Il, turut sama menghangatkan barisan pemain Muar City BC ialah rakan senegaranya Lee Yong Dae.

Turut sama dalam pasukan yang dilatih bekas pemain kebangsaan Indonesia Nova Armada itu ialah Zulfadli Zulkifli, Tan Chun Seang, Tan Bin Shen, Fikri Ihsandi Hadijadi, Tan Boon Heong dan Rusydina Antardaya.

Sementara itu, Muar City BC mendapat suntikan moral apabila syarikat insurans terkemuka Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd dan Tokio Marine Insurance (Malaysia) Bhd menjadi penaja utama mereka.



CHONG Wei

